

KEUNIKAN DIALEK SUNGAI NENGGIRI, KELANTAN: SATU ANALISIS STRUKTURAL

(The Uniqueness of Nenggiri River's Dialect: A Structural Analysis)

Riduan Makhtar & Abdul Ganing Laenggang

ABSTRAK

Makalah ini memaparkan hasil penelitian terhadap dialek Kelantan tua yang dikenali sebagai dialek Sungai Nenggiri, Hulu Kelantan (DSN). Objektif utama penulisan adalah mengenal pasti dan menghuraikan bentuk penyebaran segmental konsonan dan vokal yang terdapat di Sungai Nenggiri yang dikatakan menjadi penempatan asal bagi daerah Gua Musang, Kelantan suatu ketika dahulu. Justeru, kajian ini berfokus kepada aspek pendeskripsian fonem segmental yang mendasari sistem fonologi Sungai Nenggiri. Ianya meliputi pemaparan penyebaran bunyi konsonan dan vokal pada posisi awal, tengah, dan akhir kata. Pendekatan struktural dimanfaatkan sepenuhnya dalam mencapai objektif kajian ini. Kaedah kajian lapangan hulu telah digunakan dalam memperoleh data asli di kawasan kajian. Informan kajian terdiri daripada tiga orang penduduk kampung Sungai Nenggiri (di kawasan Hulu Sungai Kelantan) yang merupakan penutur natif dialek Kelantan. Data dikumpulkan menerusi teknik temu bual, rakaman, dan pemerhatian. Hasil analisis yang telah dilakukan, menunjukkan bahawa dialek Kelantan varian Sungai Nenggiri (DSN) mempunyai 18 konsonan dan 8 vokal. Perbezaan inventori segmen varian Sungai Nenggiri berbanding dengan varian dialek Kelantan di kawasan lain menyerlahkan varian ini boleh dikatakan sebagai dialek Kelantan tua yang mempunyai keunikann yang tidak terdapat pada dialek Kelantan di kawasan lain di negeri Kelantan.

Katakunci: Varian, dialek, pendekatan struktural, fonem, konsonan, vokal.

ABSTRACT

This paperwork shows the results of research on the unique dialect of the Nenggiri River, Hulu Kelantan (DSN). The main objective of the paperwork is to identify and describe the form of consonant and vowel deployment in the Nenggiri River which is said to be the original settlement of the Gua Musang district of Kelantan. Hence, the focus of this study is on the aspect of the segmental phonemic description that underlies the phonological system of Nenggiri River. It includes the deployment of consonant and vowel sound deployment in the beginning, middle, and end words of the word. Structural approaches are fully utilized in achieving the objectives of this research. The upstream field research method was used to obtain the original data in the research area. The research informants consist of three residents of Nenggiri Village (in the Hulu Sungai Kelantan, upstream area) who are native speakers of Kelantan dialect. Data were collected through interview and recording techniques. The results of the analysis have shown that the Nenggiri River dialect (DSN) in the Hulu Sungai Kelantan has 18 consonants and 8 vowels. The difference in the inventory of the Nenggiri River variant segment compared to the Kelantan dialect variant in other areas

indicates that the Nenggiri River variant has some differences and thus makes it uniqueness that is not present in the Kelantan dialect in other areas.

Keywords: Variance, dialect, structural approach, phonemes, consonants, vowels.

PENGENALAN

Varian lazimnya dikaitkan dengan variasi dialek daerah atau dialek tempatan bagi penutur sesebuah kawasan. Kajian tentang dialek-dialek umumnya dikenali sebagai dialektologi. Menurut Ajid Che Kob (2002), dialektologi adalah salah satu cabang linguistik yang menganalisis dan menghuraikan bahasa dari segi kawasan, sosial, atau tempoh, untuk menunjukkan perbezaan sebutan, tatabahasa dan kosa kata, dan penyebaran menurut kawasan. Dialektologi turut membincangkan tentang variasi bahasa dari segi horizontol, vertikal, ataupun temporal, yang dikaitkan dengan reiang atau daerah pemakaiannya, distribusi sosialnya, dan juga zaman varian itu digunakan mempunyai beberapa matlamat atau cita-cita sama ada bersifat sinkronik mahu pun diakronik. Menurut Kamus Linguistik (1997), sinkronik adalah perihal kajian yang ditumpukan pada satu masa tertentu. Contohnya, linguistik sinkronik hanya mengkaji bahasa pada satu masa tertentu, seperti bahasa abad ke-17. Manakala diakronik pula ialah perihal pengkajian yang dilakukan pada dua masa berbeza. Contohnya, linguistik diakronik yang mengkaji perbezaan bahasa antara abad ke-17 hingga abad ke-21.

Aspek yang lazim diteliti secara tuntas dalam kajian dialek ialah fonologi. Menurut Harimurti Kridalaksana (1985), fonologi ialah bidang linguistik yang mengkaji bunyi-bunyi bahasa mengikut fungsinya. Manakala, Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pula, mendefinisikan fonologi ialah kajian tentang bunyi sebutan dalam sesuatu bahasa. Dalam hal ini, fokus kajian dalam kertas kerja ini juga ialah mengkaji sistem fonologi dialek Kelantan tua varian Sungai Nenggiri yang terdapat di Kelantan. Penemuan berkaitan aspek fonologi dalam kajian ini agak signifikan khususnya dalam konteks melengkapkan dan menyempurnakan kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan terhadap dialek Kelantan. Kajian ini merupakan suatu usaha yang penting bagi merakam keunikan dialek Kelantan sebagai suatu khazah berharga. Wujudnya keterbatasan dan kelompangan yang agak ketara dalam kajian dialek Kelantan di Lembangan Hulu Sungai Kelantan yang lebih dikenali sebagai varian Sungai Nenggiri (VSN).

SOROTAN KOSA ILMU & PERNYATAAN MASALAH

Penduduk Kelantan telah menempati kawasan yang menjadi jaringan sosial yang strategik penduduk peribumi Kelantan di pesisir sungai dan kawasan-kawasan pedalaman negeri Kelantan. Oleh itu, pengkaji mengandaikan bahawa dialek Kelantan ini pastilah dinamik dan luas kawasannya yang menjangkau sempadan politik pentadbiran dan geografi. Keluasan penuturan dialek ini justeru menggamit minat para pengkaji bahasa terdahulu untuk melakukan penyelidikan lebih lanjut tentang dialek ini.

Antara kajian terawal yang dilakukan terhadap dialek Kelantan adalah kajian dialektologi Geografi Pasir Mas oleh Ajid Che Kob (1985). Beliau menunjukkan bahawa dialek Kelantan di Pasir Mas mempunyai 20 fonem konsonan dan 8 fonem vokal. Kajiannya dilakukan di daerah Pasir Mas, Kelantan dengan meneliti dialek geografi kawasan tersebut. Abdul Hamid Mahmood (1994) pula telah melakukan perbandingan antara dialek Kelantan dengan bahasa Melayu dari segi fonologi, morfologi, ayat, dan leksikal. Hasil dapatan beliau

menunjukkan bahawa cara mengucapkan kata-kata dalam dialek Kelantan adalah berbeza daripada mengucapkannya dalam bahasa Melayu. Selain itu, Adi Yasran (2005) turut menghuraikan inventori konsonan dialek Melayu Kelantan berdasarkan pendekatan Fonologi Optimaliti. Hasil dapatan beliau menunjukkan terdapat 16 fonem konsonan di dalam dialek Kelantan.

Manakala Asmah Haji Omar (1993), turut meneliti subdialek Kota Bharu yang dianggap oleh beliau sebagai dialek Kelantan yang standard. Subdialek ini digunakan oleh golongan-golongan atasan di Kelantan (jika mereka tidak menggunakan bahasa standard) dalam pertuturan mereka, bahkan dalam pertuturan sehari-hari pun. Subdialek Kota Bharu dituturkan di daerah Kota Bharu dan berpusat di Kota Bharu sendiri. Hasil dapatan menunjukkan subdialek Kota Bharu lebih banyak menerima pengaruh dari bahasa Melayu standard, khususnya dalam perbendaharaan kata, jika dibandingkan dengan subdialek-subdialek lain. Terdapat juga beberapa kajian terbaru yang telah melakukan kajian terhadap dialek Kelantan. Misalnya antara lainnya kajian oleh Adi Yasran (2010) dan Shahidi & Rahim (2010). Beliau telah meneliti inventori vokal dialek Melayu Kelantan. Hasil dapatan beliau menunjukkan terdapat menunjukkan bahawa dialek Kelantan mempunyai enam fonem vokal sahaja, iaitu /A, ε, ɪ, o, u, ↔ /. Shahidi & Rahim (2010) pula cuba menyerlahkan pola pertuturan penutur Kelantan ketika berbahasa Melayu standard. Kajian tersebut telah memanfaatkan kaedah spektrografik bagi memerihalkan ciri akustik dialek Kelantan yang wujud dalam pertuturan penutur.

Ternyata bahawa, telah wujud beberapa kajian terdahulu yang agak berpada dalam pencerakinan data dialek Kelantan. Namun demikian, kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas masih dilihat tidak menyeluruh dari segi skop kajian (khususnya yang melibatkan aspek daerah liputan kajian dan aspek linguistik yang dibicarakan). Masih terdapat banyak kawasan yang berpotensi menyerlahkan variasi dialek Kelantan yang belum diperincikan. Tegasnya, keluasan dan kepelbagaian varian dialek Kelantan yang wujud masih banyak yang belum dikaji. Atas faktor keterbatasan dan kelompongan kajian lepas, maka pengkaji telah memilih dan melakukan kajian di Hulu Sungai Kelantan ini. Pengkaji mendapati kajian terdahulu tidak mengkaji sistem fonologi di kawasan Sungai Nenggiri yang dikatakan menjadi kawasan kependudukan awal masyarakat Gua Musang suatu ketika dahulu. Pernyataan ini lantas mencetuskan persoalan kajian iaitu; apakah bentuk penyebaran fonologi dialek Kelantan tua di Sungai Nenggiri?

OBJEKTIF KAJIAN

Pada asasnya objektif kajian dalam kertas kerja ini ialah menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi dialek Kelantan tua di Sungai Nenggiri, Kelantan. Hal ini disempurnakan dengan cara memaparkan penyebaran bunyi vokal, diftong dan konsonan dalam kata dialek Kelantan di Hilir Sungai Kelantan berlandaskan pendekatan struktural.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian dalam sesuatu kajian biasanya terbahagi kepada dua iaitu kajian kepustakaan dan lapangan. Kajian kepustakaan merujuk kepada usaha pengkaji meneroka, memperoleh dan memanfaatkan maklumat-maklumat penting yang relevan dengan kajian pengkaji daripada sumber-sumber tertentu seperti perpustakaan arkib, muzium, dan jurnal. Dalam proses melengkapkan kajian ini, kajian kepustakaan sangat berguna dalam konteks

mendapatkan maklumat berhubung kajian-kajian lepas, teori, dan metodologi kajian lapangan. Rujukan dibuat bagi mendapatkan garis panduan, pengertian, fakta, dan kefahaman bagi setiap istilah yang diperlukan. Kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan dialektologi juga dibuat sebagai panduan kepada pengkaji khususnya yang berkaitan dengan negeri Kelantan.

Menurut (Mohd Sheffie Abu Bakar, 1995: 41) kajian kepustakaan ialah kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod tersedia. Terdapat dua bentuk dokumen iaitu dokumen primer dan dokumen sekunder. Dokumen primer adalah dokumen rujukan utama manakala dokumen primer adalah rujukan kedua selepas dokumen primer. Tujuan utama kajian kepustakaan adalah bagi mendapatkan maklumat awal yang berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan sebelum pengkaji melakukan kajian di lapangan. Sesebuah kajian yang baik memerlukan penelitian yang mendalam bagi mendapatkan gambaran awal mengenali rupa bangsa dan organisasi sosial, kawasan kajian, permasalahan yang timbul dalam sesebuah kajian, objektif kajian, dan penyelesaian yang akan di ambil.

Kajian lapangan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian lapangan hulu dan kajian lapangan hiliran. Menurut Asmah Haji Omar (2008), kajian lapangan boleh disamakan dengan *field linguistics* yang telah digunakan oleh William J. Samarin (1967). Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini bersifat hulu iaitu kajian ini dilakukan di kawasan-kawasan kampung atau pedalaman. Kajian lapangan atau kajian luar dalam pengertian umum merujuk kepada apa sahaja penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang di luar kongkongan fizikal, tempat, atau ruang seperti di luar bilik, di luar pejabat, di luar kampus, di luar negeri, dan sebagainya. Menurut Asmah Hj Omar (2008), kajian lapangan memerlukan kriteria-kriteria penting bagi mendapatkan maklumat dan data yang baik seperti cara merakam, pengumpulan data dan mengumpul kata.

Teknik yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual, pemerhatian, dan merakam. Pengkaji telah menggunakan teknik temu bual terhadap tiga orang informan. Seramai tiga orang informan yang telah dipilih bagi membantu pengkaji sebagai informan. Tiga orang informan tersebut terdiri daripada seorang tok batin dan dua orang penduduk kampung. Masing-masing mereka berumur 60 tahun, 65 tahun, dan 60 tahun iaitu seorang informan adalah lelaki manakala dua orang informan adalah perempuan. Menurut Ajid Che Kob (1985) informan perempuan lebih baik berbanding informan lelaki kerana informan perempuan lebih '*Non-Mobile*' berbanding informan lelaki. Namun begitu, kajian ini menggunakan informan lelaki dan perempuan sebagai informan kajian kerana kedua-dua jantina adalah baik dalam kajian ini.

Pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian sebagai pemeran. Menurut Asmah Haji Omar (2008), pemerhatian sebagai pemeran ialah penyelidik ikut sama-sama dengan subjek dalam kegiatan yang berlaku dan dengan itu merupakan sebahagian daripada komuniti yang dikajinya. Kajian ini turut mengambil kira aplikasi syarat pemilihan informan melalui kaedah yang digunakan oleh Chambers dan Trudgill (1990) iaitu dengan pendekatan NORMs, yang membawa akronim bagi '*Non-Mobile*', '*Old*', '*Rural*', dan '*Male*'.

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah melihat kepada kesesuaian keadaan semasa kajian dilakukan dalam konteks pemilihan informan. Informan lelaki dan informan perempuan dipilih dalam mendapatkan data kajian kerana kedua-dua informan memiliki kelebihan masing-masing. Asas dalam pemilihan seseorang informan mestilah data yang diperolehi adalah asli dan memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu tinggal di kawasan tersebut sejak kecil, umur yang tua, tidak kira sama ada berjantina lelaki atau perempuan.

Menurut Kamus Linguistik (1997), korpus ialah data mentah linguistik yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis, dan dianalisis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, tatabahasa, atau leksikal sesuatu bahasa. Kamus Dewan (2010: 824), korpus adalah himpunan makalah mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian. Menurut Ajid Che Kob (1984) korpus yang digunakan di dalam kajian mengenai dialek geografi adalah berbagai-bagai mengikut kawasan tempat dan masyarakat yang hendak di kaji. Kajian ini telah mengaplikasikan senarai kata daripada Ajid Che Kob (1985) dalam kajian beliau bertajuk Dialek Geografi Pasir Mas. Kebanyakan senarai kata yang di ambil daripada kajian beliau, beberapa pengubahsuaian telah dilakukan terhadap senarai kata bagi menjadikan senarai kata yang dibina sesuai dengan kawasan kajian dari aspek geografi, sosial, dan ekonomi informan kajian. Sebanyak 450 patah perkataan yang terdiri daripada 12 domain iaitu:

- | | |
|-------------------------|---------------------|
| 1. Kata kerja | 8. Persaudaraan |
| 2. Rumah dan Alat Rumah | 9. Kata Berganda |
| 3. Binatang | 10. Alat Pertanian |
| 4. Tubuh Badan | 11. Pakaian |
| 5. Nama dan Ganti Nama | 12. Waktu dan Cuaca |

Lokasi kajian ini adalah Sungai Nenggiri, Kelantan. Sungai Nenggiri merupakan menjadi sistem perhubungan utama bagi kawasan pedalaman ke kampung orang Asli seperti Pos Brooke, Pos Mering dan Pos Pulat, Kuala Jenera, dan Kampung Kuala Penap. Lokasi Sungai Nenggiri terletak kira-kira 30 kilometer daripada Bandar Gua Musang yang melalui jalan tempatan menuju ke Kuala Betis. Jumlah penduduk di kawasan Sungai Nenggiri berjumlah kira-kira 20,000 orang penduduk. Kebanyakan penduduk adalah beragama Islam selain juga dihuni oleh masyarakat Siam (Thailand) dan orang Asli Temiar. Setiap kawasan kampung diketuai oleh seorang ketua yang dipanggil "penghulu" atau dipanggil juga "tok penggawa".

Ekonomi penduduk di Sungai Nenggiri adalah nelayan, petani (penoreh getah), pekerja kerajaan dan swasta. Sungai Nenggiri memiliki tarikan eko-pelancongannya yang tersendiri iaitu popular dengan "santuari ikan kelah" yang boleh dikatakan boleh mencapai berat 25 kg. Di sepanjang sungai itu juga terdapat rangkaian gua-gua bersejarah yang menjadi tempat penyelidikan arkeologi dengan penemuan rangka manusia pada zaman batu seperti Gua Cha dan Gua Peralen di Sungai Nenggiri. Selain itu, terdapat juga kewujudan perkampungan orang Asli di sepanjang sungai Nenggiri yang masih mengekalkan hidup secara nomad.

PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan linguistik struktural dimanfaatkan sepenuhnya dalam kajian ini. Menurut Kamus Linguistik Edisi Keempat (2009), gerakan linguistik yang berpandangan bahawa hubungan antara unsur-unsur bahasa lebih penting daripada unsur-unsur itu sendiri, dan satu-satunya objek linguistik yang sah adalah sistem bahasa (langue), dan penelitian bahasa dapat dilakukan secara diakronis mahupun sinkronis. Boleh dikatakan bahawa semua aliran linguistik abad ke XX dan sesudahnya berdasarkan pada gerakan ini. Pendekatan ini telah diperkenalkan oleh Ferdinand D Saussure (1857-1913) pada kurun ke-20. Beliau merupakan sarjana bahasa berbangsa Swiss yang dianggap sebagai bapa linguistik moden. Pendekatan struktural turut dikembangkan lagi oleh Bloomfield, Jespersen, dan Edward Sapir. Asmah

Haji Omar (1983) turut menjelaskan bahawa, asas pengkajian dalam struktural adalah setiap bahasa terdiri daripada satu bentuk yang berbeza, dan tugas utama sarjana-sarjana bahasa adalah mengkaji unsur bahasa bukannya mengkaji sebahagian daripada keseluruhan sistem bahasa tersebut. Turut diterangkan oleh Abdullah Hassan (1989) berkenaan linguistik struktural iaitu kajian linguistik yang menghuraikan bahasa dengan menggunakan pendekatan pada bahasa itu sendiri berdasarkan ciri formal yang ada dalam sesebuah bahasa, sedangkan linguistik tradisional mengkaji tataran filsafat dan semantik sesebuah bahasa tersebut.

Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan pada beberapa hipotesis umum berkaitan pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudian barulah tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan distribusinya. Pemilihan pendekatan ini adalah wajar kerana ia sangat bersesuaian dengan objektif kajian.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihalkan aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal, dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980: 66), analisis deskriptif terbit dari kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar itu dipinggalkan dan diberi lambang. Kemudiannya bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada sesuatu jenis atas dasar persamaan ciri fonetiknya. Kaedah ini hanya memerlukan penjelasan, huraian atau tafsiran data tentang ciri bahasa sebagaimana ciri itu wujud dan digunakan oleh para penuturnya. Linguistik struktural yang menjadi kerangka utama dalam menganalisis kajian ini akan menghuraikan data dialek Kelantan berdasarkan aspek berikut, iaitu:

Konsonan

- | | |
|---------------------------|--------------------------|
| i. Dua bibir. | vii. Lelangit Keras-Gusi |
| ii. Bibir Gigi. | viii. Lelangit Keras. |
| iii. Antara Gigi Dental. | ix. Lelangit Lembut. |
| iv. Gigi Gusi (Alveolar). | x. Anak Tekak. |
| v. Gelungan (Retroflex). | xi. Rongga Tekak. |
| vi. Gusi-Lelangit Keras. | xii. Pita Suara. |

Dalam kajian ini, data dipecahkan kepada dua iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993: 220), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi konsonan, vokal, dan diftong dalam kata sama ada pada awal, tengah, atau pada akhir kata dipaparkan mengikut kawasan.

PEMAPARAN DATA DAN ANALISIS KAJIAN

Menurut Kamus Linguistik (1997), fonem merujuk kepada unit terkecil abstrak yang membezakan makna, jika berdasarkan fungsi. Contohnya, / $\pi\lambda\lambda\text{AN}$ / dan / $\gamma\lambda\lambda\text{AN}$ /, / π / dan / γ / dianggap dua fonem yang berbeza. Manakala alofon didefinisikan sebagai kelainan bunyi

yang merupakan anggota daripada satu fonem. Posisi bunyi tersebut ditentukan oleh persekitaran yang saling melengkapi atau dalam keadaan kelainan bebas. Contohnya, bunyi [κ] dan [ʎ] dikatakan alofon yang saling melengkapi dalam [κokoʎ]. Bunyi [κ] tidak boleh berada di bahagian akhir contoh tersebut; bunyi [A] dan [↔] pula dikatakan dalam keadaan kelainan bebas dalam [πAπAψA] dan [π↔πAψA] kerana pada posisi tertentu, bunyi [A] dan [↔] dalam contoh tersebut tidak mengubah makna. Perbincangan seterusnya memaparkan deskripsi kehadiran segmen konsonan, vokal dan diftong DSN.

Konsonan DSN

Jadul 1 di bawah memaparkan derivasi dialek Sungai Nenggiri (DSN) yang memiliki 18 bunyi konsonan. Penghuraikan data kajian akan dilakukan pada penulisan seterusnya oleh pengkaji pada semua konsonan yang menempati pada tiga kedudukan dalam kata iaitu awal, tengah, dan akhir kata.

Daerah Sebutan	Dua Bibir	Gigi-Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Pita Suara
Cara Sebutan					
Letupan/Plosif	Tbs Bs	p b	t d	k g	/
Letusan/Afrikat	Tbs		tΣ dZ		
Geseran/Afrikat	Tbs Bs		s		h
Sengau/Nasal	Tbs Bs	m	n	ŋ	N
Sisian/Lateral	Tbs Bs		l		
Separuh Vokal	Tbs Bs	w		j	

Jadual 1: Inventori Konsonan Dialek Sungai Nenggiri

Bunyi Konsonan Letupan/Plosif

Bil	Konsonan Letupan/Plosif	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		VSN	BMS	VSN	BMS	VSN	BMS
1	[π]	[πππ ^o] [π↔→⊗□/] [πA⊗υ-πA⊗υ]	pipi perut paru- paru	[πππ ^o] [γAπo] [τAπ□/]	pipi apa tapak	-	-
2	[β]	[βA⊗υ] [βυβυ ^o] [βAσ□η]	βαρυ βυβυρ βασαη	[βυβυ ^o] [σ↔βυ ^o □η] [βAβι ^o]	bubur sebuah babi	-	-

3	[τ]	[τ□/ τυ ^o □] [τυκE) μAσ□/]	mertua tukang masak	[δZAτoη] [κ↔λατE)]	jatuh Kelantan	-	-
4	[δ]	[δ□/] [διφο]	tidak dia	[βυδ□/] [κ↔λαδι ^o]	budak keladi	-	-
5	[κ]	[κυ ^o λι/] [κ↔νιN]	kulit kening	[κAκι ^o] [β↔λακE)]	kaki belakang	-	-
6	[γ]	[γ□] [γιγι ^o]	apa gigi	[γιγι ^o] [δAγυ ^o]	gigi dagu	-	-
7	[/]	-	-	[σ↔/κολο□η] [ι/σιδ↔)N]	sekola kemalangan	[βισι/] [τ□/]	berbisik tidak

Jadual 2: Bunyi Konsonan Letupan/Plosif

Jadual 2 di atas menunjukkan 7 bunyi konsonan hentian yang terdapat dalam dialek Kelantan varian Sungai Nenggiri (VSN) iaitu konsonan hentian dua bibir [p] dan [b], hentian gigi-gusi [t] dan [d], hentian langit lembut [k] dan [γ], dan hentian pita suara [/]. Bagi bunyi hentian dua bibir iaitu [p] dan [b] dalam varian Sungai Nenggiri, data menunjukkan kehadiran bunyi konsonan ini berlaku pada kedudukan awal dan tengah kata sahaja. Manakala pada kedudukan akhir kata konsonan ini tidak menunjukkan sebarang kehadiran. Bagi konsonan hentian gigi-gusi iaitu [t] dan [d], analisis menunjukkan kehadiran berlaku pada kedudukan awal dan tengah kata juga serta tidak menunjukkan kehadiran pada kedudukan akhir dalam kata.

Bunyi konsonan hentian langit lembut iaitu hentian langit lembut bersuara [k] dan hentian langit lembut tak bersuara [γ], kehadiran berlaku pada kedudukan awal dan tengah kata manakala tidak menunjukkan kehadiran pada akhir kata. Sedikit berbeza dengan bunyi hentian pita suara [/] yang tidak menunjukkan kehadiran pada posisi awal kata tetapi melahirkan kehadirannya pada posisi tengah dan akhir kata.

Bunyi Konsonan Letusan/Afrikat

Bil	Konsonan Letusan/Afrikat	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		VSN	BMS	VSN	BMS	VSN	BMS
1	[τΣ]	[τΣ↔π↔δ□/] [τΣικυ]	cempeda ciku	[πυτΣηοN] [μAτΣE)]	pucat macam	-	-
2	[δZ]	[δZA⊗E)] [δZAτoη]	jarang jatuh	[NAδZι ^o] [δZυγ□/]	mengaji juga	-	-

Jadual 3: Bunyi Konsonan Letusan/Afrikat

Jadual 3 di sebelah memaparkan bunyi konsonan letusan/afrikat iaitu frikatif langit keras bersuara hadir [tΣ] dan konsonan afrikat langit keras [dZ]. Kedua-dua bunyi konsonan ini hadir pada posisi awal dan tengah kata dalam dialek Kelantan varian Sungai Nenggiri dan tidak menunjukkan kehadiran pada akhir kata bagi kedua-dua konsonan.

Bunyi Konsonan Geseran/Frikatif

Bil	Konsonan Geseran/Frikatif	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		VSN	BMS	VSN	BMS	VSN	BMS
1	[σ]	[σ υ] [σ↔⊗Aτ φ]	siku serati	[β Aσ□] [β↔σ□]	biasa biasa	-	-
2	[ζ]	[ζ↔N]	sink	[bEz□]	beza	-	-
3	[η]	-	-	[μAηA]	mahal	[δZAτ η] [βAσ□η]	jatuh basah

Jadual 4: Bunyi Konsonan Geseran/Frikatif

Terdapat tiga konsonan geseran/frikatif iaitu geseran gigi-gusi [s], [z], dan geseran pita suara [h]. Kedua-dua konsonan [s] dan [z] memaparkan kedudukan dalam awal dan tengah kata, manakala tidak menunjukkan kewujudan data pada kedudukan akhir kata. Sedikit berbeza dengan konsonan geseran pita suara [h], kehadiran berlaku pada kedudukan tengah dan akhir kata tetapi tidak menunjukkan kehadiran pada kedudukan awal kata.

Bunyi Konsonan Sengau/Nasal

Bil	Konsonan Sengau/Nasal	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		VSN	BMS	VSN	BMS	VSN	BMS
1	[μ]	[μAτ ^φ] [μυγ□]	mati semoga	[λAμ□] [vAμ□]	lama nama'	-	-
2	[v]	[v□/] [vt]	hendak ini	[λ□vt]	sekarang	-	-
3	[ʃ]	[ʃ o] [ʃ δA]	kelapa penyidai	mo ↔ /	monyet	-	-
4	[N]	[NAN□]	nganga	[τANE] [λANv/]	tangan langit	[δ□N] [κ↔vtN]	hidung kening'

Jadual 5: Bunyi Konsonan Sengau/Nasal

Jadual 5 di atas menunjukkan empat konsonan sengau atau nasal iaitu nasal dua bibir [m], nasal gigi gusi [n], nasal langit keras [N], dan nasal langit lembut [ʃ]. Tiga konsonan sengau iaitu [m, n, ʃ] memaparkan kehadiran pada dua kedudukan iaitu awal dan tengah kata tetapi tidak menunjukkan kehadiran pada kedudukan akhir kata. Berbeza dengan konsonan langit lembut [N] yang hadir pada semua posisi dalam awal, tengah, dan akhir kata.

Bunyi Konsonan Sisian/Lateral

Bil	Konsonan Sisian/Lateral	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		VSN	BMS	VSN	BMS	VSN	BMS
1	[λ]	[λɪδ□η] [λANɪ/]	lidah lelangi	[πAλ□] [τ□/λEη]	kepala tidak boleh	-	-

Jadual 6: Bunyi Konsonan Sisian/Lateral

Bunyi konsonan sisian atau lateral gigi-gusi [l] terdapat pada posisi awal dan tengah kata. Pada posisi akhir kata, konsonan sisian [l] digugurkan tanpa sebarang penggantian. Contohnya pada perkataan ‘bekal’ dalam bahasa Melayu standard akan diujarkan [b↔kA] dalam dialek Kelantan.

Bunyi Konsonan Separuh Vokal

Bil	Konsonan Separuh Vokal	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		VSN	BMS	VSN	BMS	VSN	BMS
1	[w]	[wA/]	buat	[βAωE]	bawang	[βuβuω] [σ↔πuπu ^o]	bubur sepupu
2	[φ]	[φAκɪN]	yakin	[βAφE]	bayam	[sAtEj]	sate

Jadual 7: Bunyi Konsonan Separuh Vokal

Varian DSN mempunyai dua bunyi separuh vokal iaitu konsonan separuh vokal dua bibir [w] dan separuh vokal lelangit keras [j]. Bunyi konsonan separuh vokal dua bibir [w] dan [j] menunjukkan kehadiran pada semua posisi dalam kata iaitu pada posisi awal, tengah, dan akhir kata. Pemaparan data dapat di lihat pada jadual 7 di atas.

Inventori Vokal Dialek Sungai Nenggiri

Menurut Ajid Che Kob (1985), vokal adalah bunyi yang pada masa pengwujudannya ruang oral tidka mempunyai sebarang halangan, supaya udara dari paru-paru boleh ebrgerak ke dua bibir tanpa sebarang sekatan atau geseran. Derivasi dialek Kelantan, vokal DSN mempunyai 8 vokal yang terdiri daripada vokal depan, tengah dan vokal belakang. Jadual 8 di bawah menunjukkan kehadiran inventori vokal varian Sungai Nenggiri yang menempati tiga kedudukan dalam kata iaitu awal, tengah, dan akhir kata.

Bahagian	Depan	Tengah	Belakang
Kedudukan			
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi	e		o
Separuh Rendah	E	↔	□
Rendah		A	

Jadual 8: Inventori Vokal Sungai Nenggiri

Bunyi Vokal Tinggi [i] dan [u]

Bil	Jenis Vokal	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		VSN	BMS	VSN	BMS	VSN	BMS
1	[i]	[iɤE] [iɔoN] [iɤi/]	ikan hidun itik	[σi/υ] [κ↔vɪN] [β↔τɪη]	siku kening betis	[μA⊗i] [δZA⊗i] [πANγi]	jari jari panggil
2	[u]	[u ^h β□/] [uδE]	umbut udang	[λυτυ/] [κυ ^o λι [τυμι/]	lutut kulit tumit	[σικυ] [πA⊗υ- πA⊗υ] [τυ]	siku paru- paru itu
3	[e]	-	-	[pAΦe/]	parit	[Ae]	air
4	[o]	[o⊗E]	orang	[iɔoN] [δZAτo [κ↔λoπ□/] [μAτ□]	hidung jantung kelopak mata	[/iO] [φo]	kelapa dia
5	[E]	[Eσ□/]	esok	[λAEv] [βEτɪη] [λEπA]	lain betis lempar	[βA ^v φE] [βA⊗E] [λ↔NE]	banjir barang lengan
6	[□]	[□⊗A/]	urat	[σ↔β↔λ□η] [μ□/]	sebelah emak	[τA ^v φ□] [σAδZ□] [βAησ□]	tanya sahaja bahasa
7	[A]	[AδE/] [Aφ□η] [AβAη]	adik ayah abah	[δA⊗□η] [δZA⊗i] [κAvE]	darah jari kanan	[AkA] [δ↔NA] [/iδA]	akar dengar penyidai
8	[↔]	-	-	[σ↔μυ/] [σ↔β↔λAιη] [λ↔πAη]	semua sebelas lepas	-	-

Jadual 9: Bunyi Vokal VSN

Terdapat 8 bunyi vokal dialek Sungai Nenggiri ditunjukkan pada jadual 9 di atas iaitu vokal depan tinggi [i], vokal belakang tinggi [u], vokal depan separuh tinggi [e], vokal belakang separuh tinggi [o], vokal depan separuh rendah [E], vokal belakang separuh rendah [□], vokal tengah separuh rendah [↔], dan vokal tengah rendah [A]. Enam vokal [i, u, o, E, □, A] memaparkan kehadiran pada semua posisi dalam kata. Bagi vokal depan separuh tinggi [e] pula, kehadiran hanya wujud pada posisi tengah dan akhri kata serta tidak menunjukkan sebarang kehadiran pada posisi awal kata. Manakala vokal tengah separuh rendah [↔] hanya menunjukkan kehadiran pada kedudukan tengah kata sahaja dan tidak menunjukkan kehadiran pada kedudukan awal dan akhir kata.

PERBINCANGAN

Konsonan hentian [p, b, t, d, k, γ] menunjukkan kehadiran pada dua posisi sahaja iaitu pada posisi awal kata dan tengah kata dalam dialek Sungai Nenggiri. Dengan kata lain, konsonan hentian berkenaan tidak menunjukkan kehadiran pada posisi akhir kata. Pada posisi akhir kata dalam VSN, konsonan-konsonan tersebut (kecuali [γ]) akan bertukar menjadi bunyi hentian glotal [ʔ]. Misalnya, dalam perkataan “tutup” disebut sebagai [κΑτοʔ] dan ‘Thailand’ sebagai [τηαιλανʔ]. Konsonan [γ] pula akan digugurkan dalam VSN.

Bunyi nasal [m, n] didapati hadir pada posisi awal, dan tengah kata manakala konsonan [m, n] pada posisi akhir kata dalam VSN akan digugurkan secara serentak dengan perubahan kualiti vokal di akhir kata. Contohnya bagi perkataan [μΑτΣΕ] bermaksud ‘macam’ dan perkataan [κΑνΕ] yang maksud ‘kanan’. Bunyi nasal lelangit keras [ŋ] hanya hadir pada posisi awal sahaja. Pada posisi tengah dan akhir kata, konsonan ini tidak menunjukkan apa-apa kehadiran. Bunyi nasal lelangit keras [N] hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Manakala pada posisi awal kata, konsonan [N] tidak ditemui hadir dalam VSN.

Bunyi konsonan frikatif gigi-gusi tak bersuara [s] hadir pada posisi awal, dan tengah kata. Manakala frikatif gigi-gusi tak bersuara [z] hadir pada posisi awal kata sahaja. Bunyi konsonan [σ] tidak menunjukkan kehadirannya pada posisi akhir kata kerana di dalam dialek Kelantan bunyi konsonan [σ] akan ditukar kepada bunyi konsonan frikatif pita suara [ɲ]. Contohnya bagi perkataan [κίπΑη] ‘kipas’. Manakala bagi bunyi konsonan [ζ], tidak menunjukkan kehadiran pada posisi tengah dan akhir kata. Bunyi konsonan frikatif pita suara [h] pula hadir pada awal dan posisi akhir kata. Manakala pada posisi awal kata, bunyi konsonan [h] tidak menunjukkan kehadiran kerana pada posisi ini bunyi konsonan [h] akan digugurkan. Contohnya dalam perkataan [ιδΟN] bermaksud ‘hidung’ konsonan [η] telah digugurkan.

Sengauan lelangit lembut [N], konsonan ini tidak dikekalkan pada kedudukan akhir kata di dalam dialek Kelantan. Contohnya kajian yang telah dilakukan oleh Ajid Che Kob (1985) di Pasir Mas berkaitan dengan pemetaan dialek Kelantan kawasan Pasir Mas menunjukkan bahawa konsonan sengau lelangit lembut “N” menunjukkan penghilangan atau pengguguran pada semua perkataan dalam kedudukan akhir kata. Lain keadaannya yang berlaku pada dialek Kelantan Sungai Nenggiri yang mengekalkan kewujudan konsonan lelangit lembut “N” pada kedudukan akhir kata. Contohnya pada perkataan “terbang”, “udang”, “lubang”, dan “pasang”. Pengekalan penggunaan konsonan “N” membezakan antara varian dialek Kelantan di kawasan Sungai Nenggiri dengan dialek Kelantan di kawasan-kawasan lain seperti Pasir Mas dan Hilir Sungai Kelantan. Menurut informan di kawasan Sungai Nenggiri ini, penggunaan konsonan lelangit lembut ‘N’ ini sudah tidak banyak digunakan oleh generasi muda kini, malah ianya semakin hilang setelah kematian orang-orang tua yang mendiami kawasan Sungai Nenggiri ini.

Bunyi konsonan lateral gigi-gusi [l] terdapat pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Manakala pada posisi akhir kata tidak menunjukkan kehadiran. Hal ini kerana, di dalam dialek Kelantan bunyi konsonan lateral gigi-gusi [l] telah digugurkan. Contohnya untuk perkataan [τι^hβΟ] bermaksud ‘timbul’. Bunyi frikatif lelangit keras bersuara hadir [tΣ] hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Bunyi frikatif [tΣ] tidak menunjukkan kehadiran pada akhir kata. Manakala, konsonan afrikat lelangit keras [δZ] hadir pada posisi awal dan tengah kata. Manakala pada posisi akhir kata, bunyi konsonan [δZ] tidak menunjukkan apa-apa kehadiran. Ketidakhadiran bunyi ini pada posisi berkenaan adalah lazim bagi semua

dialek Melayu termasuklah dialek Kelantan. Bunyi konsonan separuh vokal [w, j] hadir pada semua posisi dalam kata iaitu pada posisi awal, tengah, dan akhir kata.

KESIMPULAN

Hasil analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa derivasi dialek Kelantan tua (VSN) memiliki 18 bunyi konsonan yang berpotensi menempati ketiga-tiga posisi dalam kata iaitu pada kedudukan awal, tengah, dan akhir kata manakala terdapat 8 vokal yang hadir [ɪ, ʊ, ɛ, o, E, □, A, ↔] turut wujud pada ketiga-tiga posisi dalam kata iaitu pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Kelainan yang ditemui dalam kajian ini berbanding dengan kajian-kajian lain terhadap dialek Kelantan adalah, wujudnya konsonan sengauan langit lembut [N] pada kedudukan akhir kata dalam sesetengah perkataan di dalam dialek Kelantan varian Sungai Nenggiri. Berdasarkan pemerhatian dan analisis pengkaji dapat disimpulkan bahawa, dialek Kelantan varian Sungai Nenggiri merupakan dialek Kelantan yang menjadi penempatan pertama penduduk di daerah Gua Musang pada suatu ketika dahulu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1989. *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2005. Aspek fonologi dialek Kelantan: Satu analisis teori optimaliti. Tesis Doktor Falsafah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2010. Inventori Vokal Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Linguistik*. 11: 1-19.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin & Noor Ein Mohd. Noor. 1992. *Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2008. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. 1979. *Dialektologi Sebuah Pengantar*. Pusat Pembinaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Jakarta.
- Collins, J. T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins J. T. 1999. *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. 1993. *Simposium Dialek Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1996. *Field Work: Satu Pencarian dan Pengalaman*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Harimurti Kridalaksana. 2009. *Kamus Linguistik Edisi Keempat*. PT Gramedia, Jakarta.

- J. K Chambers & Peter Trudgill. 1990. *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansoer Pateda. 1988. *Linguistik: sebuah pengantar*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung, Indonesia.
- Noriah Mohamed. 1999. Pengelompokan Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*. 12 (43):1077-1107.
- Saussure, Ferdinand de. 1988. *Pengantar Linguistik Umum*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Verhaar, J. W. M. 1981. *Pengantar Linguistik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- William J. Samarin. 1993. *Linguistik Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://www.mdgm.gov.my>
- <http://www.kesedar.gov.my/sungai-neggiri>

Riduan Makhtar

Pensyarah
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
riduan@kuis.edu.my

Abd Ganing Laengkang

Pensyarah
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
abdulganing@kuis.edu.my